

29 MAY 2001

DAIM-LRT

KERAJAAN TANGGUH TERBITAN BON BELI PUTRA DAN STAR

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Kerajaan menangguhkan penerbitan bon bagi cadangan pemilikan aset kedua-dua Projek Usahasama Transit Aliran Ringan (PUTRA) dan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR), kata Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, hari ini.

Beliau berkata kerajaan sedang menunggu Skim Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) untuk mengumumkan pelan alternatif bagi syarikat-syarikat ini.

"Kami menyerahkannya kepada CDRC, mereka yang bertanggungjawab ke atas penyusunan semula itu," katanya kepada pemberita selepas seminar yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Perindustrian Afrika Selatan, di sini.

Apabila ditanya mengapa terdapat kelewatan dalam cadangan pemilikan itu, Daim berkata, "sesetengah pihak menyatakan ia tidak bernilai sebegitu besar, saya rasa, manakala sesetengah orang menyatakan jika kami (kerajaan) melaksanakannya, mereka akan menyatakan, anda mahu menyelamatkan pelabur-pelabur tersebut."

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan kini sedang mengkaji semula sama ada mahu meneruskan dengan keputusan untuk memiliki aset kedua-dua PUTRA dan STAR atau mencari jalan lain bagi menjadikan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) berdaya maju.

PUTRA dan STAR yang menghadapi masalah kewangan kini berada di bawah CDRC.

Tahun lalu, kerajaan mengumumkan ia membeli aset kedua-dua PUTRA dan STAR, menerusi terbitan bon RM5.5 bilion yang dijadualkan bulan depan.

Sementara itu, Daim, apabila ditanya sama ada beliau bimbang pengeluaran keluar modal dari Malaysia apabila rizab luar negara merosot kepada paras terendahnya sejak krisis ekonomi 1997/98, berkata: "Sejak beberapa hari lalu terdapat aliran masuk (modal)."

Bank Negara, semalam, menyatakan rizab antarabangsa bersih berjumlah RM99.2 bilion sehingga Pertengahan-Mei daripada RM100.4 bilion pada akhir-April, mencukupi untuk menampung 3.8 bulan import tertangguh.

Mengenai tambatan ringgit, Menteri Kewangan itu menegaskan bahawa unit tempatan itu akan kekal pada RM3.8 bagi satu dolar Amerika.

"Pasti," katanya, apabila terus ditanya sama ada tambatan itu akan kekal sehingga akhir tahun ini.

Sementara itu, status cuti Daim terus menarik perhatian media.

"Saya masih bercuti. Saya mahu berbincang dengan anda (media), dapatkan nasihat apa yang saya perlu lakukan," katanya secara bergurau. -- BERNAMA

MOT FR ZK